

**Najib Minta Pengundi Kembalikan Kelantan Kepada BN Ahad Ini
Bernama
2 Mei, 2013**

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak meminta rakyat Kelantan mengembalikan Barisan Nasional (BN) ke tampuk pemerintahan kerajaan negeri itu Ahad ini selepas merana akibat janji palsu PAS sejak 23 tahun lepas.

Najib berkata Datuk Seri Mustapa Mohamed adalah calon yang sesuai sebagai Menteri Besar Kelantan dan berikrar akan menepati janji untuk memajukan negeri itu jika rakyat memberi mandat kepada BN pada pilihan raya umum ke-13.

Kelantan merupakan negeri terbaharu dikunjungi Najib, yang pertama kali menerajui BN pada pilihan raya umum selepas menjadi perdana menteri, berbekalkan manifesto transformasi kepada semua rakyat Malaysia.

Najib, yang juga Pengerusi BN, yakin Mustapa dengan pengalamannya yang luas sebagai menteri kabinet termasuk portfolio sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, mampu membawa banyak pelaburan bagi melaksanakan pelbagai projek untuk manfaat rakyat Kelantan.

Beliau memberi jaminan BN akan memajukan Kelantan menerusi pembinaan lebuhraya Kota Baharu-Kuala Krai, masjid negeri yang akan menjadi ikon negeri itu, stadium, kampus bandar Universiti Teknologi Mara (UiTM), sejumlah 3,000 rumah mampu milik, perkhidmatan bas rapid Kota Baharu dan menyelesaikan masalah bekalan air.

"Ambo dah janji buat rumah mampu milik di Kota Baharu yang sudahpun dimulakan, di tempat lain pun kita akan buat, di Pasir Puteh ini pun kita buat. Tujuh perkara itu hanya permulaan, banyak lagi kita akan buat," kata Najib dengan suara yang serak pada Program Himpunan Rakyat 1Malaysia di padang Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Petai di Pasir Puteh hari Khamis.

Najib kemudian menerima sambutan luar biasa di Machang sebelum ke Kota Baharu di mana beliau mengumumkan tambahan 2,000 unit rumah di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) untuk warga bandar itu sebagai tambahan kepada 1,000 unit di Mukim Bandar yang diumumkan semasa lawatan beliau pada Mac lepas.

Sementara itu, Pejabat Perdana Menteri menafikan dakwaan pakatan rakyat berhubung sebarang penglibatan dalam usaha membawa masuk pengundi rakyat Malaysia dan warga asing yang diterbangkan ke semenanjung untuk mengundi pada pilihan raya umum Ahad ini.

"Pejabat Perdana Menteri menafikan sebarang pembabitan berhubung penerbangan seperti ini. Suruhanjaya Pilihan Raya telah bertungkus lumus memastikan bahawa sistem pilihan raya lebih kukuh daripada sebelum ini, dan pilihan raya adalah bebas dan adil," kata seorang jurucakap kerajaan dalam satu kenyataan hari ini.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata Pakatan Rakyat kini semakin 'desperado' dan dalam keadaan terdesak sehingga bertindak menyebarkan pelbagai fitnah mengarut serta memburukkan-burukkan BN menjelang hari pengundian Ahad ini menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS), blog dan media sosial yang dikuasai mereka.

"Saya juga terima beberapa SMS yang disebar penyokong pakatan pembangkang, katanya (antara lain) kita (BN) akan angkut 70,000 pengundi nak dihantar ke Johor kerana Johor dia (PR) kata Johor (BN) nak kalah, jadi kena bawa orang luar, termasuk orang Bangladesh," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program Himpunan Rakyat 1Malaysia di Taman Tas, Kuantan, Pahang

Terdahulu, di Maran, Muhyiddin mahu BN Pahang memastikan kemenangan mutlak berpihak kepada parti gabungan itu memandangkan negeri berkenaan merupakan kubu kuat BN.

"Kita ini kerajaan yang baik, yang amanah, yang menunaikan semua janji dan banyak lagi akan kita laksanakan. Perdana menteri minta mandat lima tahun lagi untuk kita perhebatkan pembangunan untuk rakyat sebab cabaran kita dalam tujuh tahun lagi adalah menuju negara maju berpendapatan tinggi," katanya pada program Himpunan Rakyat 1Malaysia di Dataran Pahang, yang dihadiri 5,000 orang.

Di Putrajaya, Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) menganjurkan satu demonstrasi khas kepada wakil media bagi membuktikan dakwat kekal yang dicalit pada jari pengundi tidak boleh dihilangkan dengan mengelap atau membasuhnya dengan air.

SPR memberi jaminan dakwat itu, yang diperkenal buat pertama kali pada pilihan raya umum di negara ini bagi menghalang penipuan, tidak akan hilang sehingga tempoh lima hingga tujuh hari.

Dalam kes pengundi awal yang membuat laporan polis bahawa dakwat itu boleh dihilangkan, Setiausaha SPR Datuk Kamaruddin Mohamed Baria berkata ia disebabkan petugas SPR tidak mengikuti peraturan yang dinyatakan di botol dakwat berkenaan yang memerlukan ia digoncang 30 saat sebelum digunakan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=947058>